

Infrastruktur telekomunikasi perlu diiktiraf utiliti awam

Pendekatan SKMM jayakan JENDELA, tambah baik komunikasi digital

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Cyberjaya: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) meminta kerajaan negeri mewujudkan dasar yang mengiktiraf infrastruktur telekomunikasi sebagai utiliti awam, sama seperti bekalan elektrik dan air.

Melalui dasar berkenaan, setiap projek pembangunan akan turut memasukkan kawasan bagi penyediaan infrastruktur telekomunikasi sama ada untuk pembinaan menara atau saluran fiber, sekali gus membolehkan kemudahan telekomunikasi terus boleh dinikmati sepenuhnya sebaik saja sesuatu kawasan itu mula didiami.

Pengerusi SKMM, Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek, berkata ia antara pendekatan penting diambil pihaknya bagi menjayakan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sekali gus akan menjadi platform penambahbaikan komunikasi digital negara dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RM-Ke-12) (2021-2025).

Ketika ini, SKMM terpaksa berdepan kekangan untuk memasang infrastruktur komunikasi atau digital di sesetengah kawasan disebabkan tidak mendapat kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Dalam membangunkan rangkaian, kita memerlukan banyak kelulusan pada peringkat negeri dan ini kekangan kita hadapi walaupun infrastruktur sudah sedia untuk dipasang.

"Kadangkala, pejabat tanah mengambil masa antara enam bulan hingga ke setahun untuk memberi kelulusan, begitu juga PBT. Kadangkala, ada antara mereka tidak berhubung antara satu sama lain. Kemudian, ada mendakwa SKMM lambat (ke sesuatu kawasan) sedangkan kita sudah ber-

sedia," katanya dalam temu ramah di ibu pejabat SKMM di sini, semalam.

Pada 29 Ogos lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pelaksanaan JENDELA, yang akan dilaksanakan dalam dua fasa.

Fasa satu yang sudah bermula akan memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8 peratus kepada 96.9 peratus di kawasan berpenduduk, meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25 Mbps kepada 35 Mbps serta membolehkan 7.5 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit.

Ia juga membabitkan penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir 2021 untuk pemantapan rangkaian 4G serta memperkukuhkan asas bagi rangkaian 5G.

Sementara itu, fasa dua membabitkan peralihan kepada 5G, selepas platform kukuh dalam fasa satu dapat dicapai, selaras perancangan RMKe-12.

Mengulas lanjut, Fadhlullah Suhaimi berkata, ada juga pengguna

mahukan liputan telekomunikasi terbaik, namun tidak membenarkan infrastruktur dipasangkan berdekatan rumah mereka, sekali gus menyebabkan kelulusan tidak diberikan PBT.

"Disebabkan itu, kita meminta kerajaan negeri menyediakan dasar mengiktiraf infrastruktur telekomunikasi ini sebagai utiliti awam, sekurang-kurangnya menyediakan tapak. Bayaran bagi tapak itu bukan satu masalah, tetapi tapak yang boleh dijadikan lokasi bagi pemasangan infrastruktur berkenaan," katanya.

Bagi memastikan matlamat itu dapat direalisasikan, Fadhlullah Suhaimi berkata, beliau mula mengadakan pertemuan dengan kepimpinan tertinggi di setiap negeri untuk meminta kerjasama mereka, yang dijangka selesai menjelang hujung tahun ini.



Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek

"Setakat ini, maklum balas diterima amat baik kerana pelaksanaan dasar ini kelak akan membawa masuk pelaburan kepada setiap negeri dan pada masa sama, membekalkan perkhidmatan telekomunikasi lebih luas dan berkualiti kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata, kos bagi pelaksanaan JENDELA sebanyak RM21 bilion, iaitu 45 peratus peruntukan daripada kerajaan yang menggunakan pakai Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Dana USP), manakala selebihnya daripada swasta.